

Serangan jijik bukti Zionis tak mahu gencatan senjata

BERITA HARIAN 13 APR 2024 *mb: 2*

sini, malam kelmarin.

Hubungi pemimpin Hamas

Terdahulu, beliau kelmarin menghubungi pemimpin utama Hamas, Ismael Haniyeh bagi menyampaikan takziah atas berita kematian tiga anak iaitu Hazem, Amir dan Mohammad serta empat orang cucu yang terkorban dalam serangan udara oleh rejim Zionis semalam.

Anwar berkata, beliau mewakili seluruh rakyat Malaysia menyatakan solidariti yang tidak berbelah bahagi dan semangat kebersamaan yang tinggi bersama keluarga Ismael serta seluruh

rakyat Palestin yang kehilangan keluarga tersayang.

“Kehilangan nyawa insan tidak berdos, terutama kanak-kanak dalam suasana cukup tragik ini adalah amat sukar diterima oleh mana-mana manusia.

“Malaysia menzahirkan kecaman dan kutukan sekeras-kerasnya ke atas rejim biadab Zionis Israel yang berterusan melakukan genosid kebencian ke atas warga Palestin,” katanya.

Zionis perluas serangan di Gaza - Dunia 22

Malaysia desak masyarakat dunia bertindak tegas henti segera kekejaman Israel

Oleh Saadiah Ismail
saadiah_ismail@bh.com.my

Kuala Lumpur: Serangan jijik rejim Zionis ke atas rakyat Palestin membuktikan mereka tidak punyai keinginan melakukan gencatan senjata seperti dituntut Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa Bangsa Bersatu (UNSC).

Malah Israel juga tidak patuh kepada prinsip hukum dan undang-undang antarabangsa, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Beliau berkata serangan disifatkan kurang ajar oleh rejim pengecut Zionis itu hanya melenyapkan harapan ke arah penyelesaian secara aman dengan prinsip kemanusiaan dan hak asasi manusia terus diinjak tanpa noktah.

“Malaysia sekali lagi mendesak keras komuniti antarabangsa untuk bertindak tegas dan rejim Zionis Israel bertanggungjawab atas kezaliman ini.

“Komuniti antarabangsa juga mesti bekerja untuk menjelamkan keamanan buat rakyat Palestin yang secara konsisten dinafikan sejak 75 tahun lampau,” katanya dalam satu kenyataan di

Ibadat & Fadilat

Abu Hurairah RA meriwayatkan Rasulullah SAW bersabda:
“Dua orang saling memaki, dosanya atas orang mulai memaki, selama yang dimaki tidak membalas berlebihan.”
(HR Muslim)

KAWASAN	SUBUH	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
Kangar	6:02	1:22	4:28	7:28	8:38
Alor Setar	6:03	1:21	4:27	7:28	8:38
P. Pinang	6:03	1:21	4:29	7:27	8:37
Ipoh	6:02	1:19	4:28	7:24	8:34
Kuala Lumpur	6:00	1:16	4:26	7:21	8:31
Shah Alam	6:00	1:16	4:26	7:21	8:31
Johor Bahru	5:53	1:08	4:20	7:11	8:21
Seremban	5:55	1:11	4:21	7:15	8:25
Bandar Melaka	5:59	1:15	4:26	7:19	8:29
Kota Bharu	5:58	1:14	4:25	7:18	8:28
K. Terengganu	5:56	1:14	4:21	7:20	8:26
Kota Kinabalu	5:52	1:10	4:18	7:16	8:26
Kuching	5:00	12:18	3:25	6:24	7:35
	5:28	12:43	3:55	6:46	7:56